

<b>TAJUK 1</b>	<b>Perancangan Pusat Pendidikan Awal Kanak-kanak</b>
----------------	--

### 1.1 SINOPSIS


Unit ini mendedahkan kemahiran mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar merancang pusat pendidikan prasekolah. Perancangan yang berstruktur akan memastikan pengurusan pengendalian program tindakan mencapai matlamat yang dikehendaki secara efisien dan tersusun.

### 1.2 HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir pengajaran bab ini pelajar dapat:

1. Menerang dan menjelaskan konsep dan falsafah merancang pusat pendidikan awal.
2. Mengaplikasikan format penulisan kertas kerja penubuhan prasekolah secara berkesan dan bermakna

### 1.3 KERANGKA TAJUK-TAJUK



## **1.4 PERANCANGAN**

Kepentingan pengurusan adalah bagi melaksanakan perancangan secara efektif dan tersusun dengan cara menggerakkan struktur organisasi dan sumber ke arah mencapai matlamat.

Perancangan membawa maksud membentuk imej atau gambaran mental tentang apa yang hendak dibuat dan bagaimana mahu melaksanakannya Ia jelas difahami sebagai satu panduan tentang arah tujuan dan bagaimana mahu mencapai tujuan tersebut.

Terdapat 3 jenis perancangan iaitu

1. Perancangan strategik bermakna pelan keseluruhan (*master plan*).
2. Perancangan taktikal bermaksud pecahan perancangan kepada matlamat yang lebih spesifik manakala
3. Perancangan operasional adalah langkah atau prosedur tertentu yang membawa kepada pencapaian matlamat.

Kesimpulannya, perancangan adalah apa yang sepatutnya dilakukan dan bagaimana hendak melaksanakannya.

### **1.4.1 Konsep**

Konsep perancangan merupakan satu dokumen yang mengandungi kenyataan tindakan ke arah pencapaian objektif. Ia menunjukkan cara bagaimana untuk mencapai apa yang dirancang. Anda perlu merangka lebih awal apa yang perlu dibuat dan bagaimana cara melakukannya. Ringkasnya, ia adalah satu proses persediaan untuk melaksanakan tindakan/aktiviti/program.

Pendidikan prasekolah adalah program yang menyediakan pengalaman dan pembelajaran kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun dalam jangka masa satu tahun atau pun lebih setahun sebelum masuk ke tahun satu di sekolah formal.

### **1.4.2 Prinsip**

Dalam program pendidikan prasekolah, proses pembelajaran dijalankan secara tidak formal melalui bermain sambil belajar. Program ini menekankan

kepada aktiviti yang boleh meransang naluri ingin tahu, mengukuhkan koordinasi motor kasar dan halus, menggunakan daya kreatif, memupuk semangat bergaul, sifat hormat-menghormati dan berdisiplin bagi menyediakan kanak-kanak ke arah pembelajaran yang lebih formal di sekolah rendah nanti.

Pendidikan prasekolah bertujuan untuk menyuburkan potensi kanak-kanak dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan memasuki sekolah rendah.

### **1.4.3 Rasional**

Program pendidikan prasekolah bertujuan melahirkan generasi yang berjaya mengembangkan JERIS mereka ke tahap yang maksima berlandaskan nilai dan tradisi bangsa yang murni bagi memenuhi keperluan kepada pendidikan prasekolah.

### **1.4.4 Objektif**

Menyediakan pengalaman pembelajaran kepada murid-murid yang berumur antara 4 hingga 6 tahun bagi menyuburkan potensi mereka dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah sejajar dengan objektif pendidikan prasekolah.

## **1.5 FALSAFAH MERANCANG**

Pendidikan prasekolah boleh disimpulkan sebagai program pendidikan terancang dan sistematik yang berdasarkan asas-asas perkembangan kanak-kanak dengan tujuan mengembangkan potensi kanak-kanak sebelum masuk tahun satu. Sewajarnya dalam merancang pusat pendidikan awal kanak-kanak hasrat, arah tuju dan matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia juga terlaksana.

### **1.5.1 Kepuasan**

- Memenuhi kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)
- Memenuhi keperluan kanak-kanak Amalan Bersesuaian Perkembangan (ABP)
- Memenuhi kehendak ibu bapa dan komuniti

### **1.5.2 Optimun**

- Melibatkan pelbagai sumber
- SMART (*specific, measurable, rational, attainable*)
- Berwawasan

### **1.5.3 Adaptasi**

- Boleh melaksanakan perancangan secara rasional dan berkesan
- Boleh juga diadaptasi dalam membina modal insan seimbang
- Guru yang menghayati FPK dapat mengadaptasikannya dalam pelaksanaan program pendidikan prasekolah

### **1.5.4 Kekuatan**

- Teori Produktiviti menerangkan bahawa sikap seseorang yang meliputi ilmu dan kemahiran akan menghasilkan produktiviti
- Keperluan Agensi : bagi prasekolah swasta perkara yang dititik beratkan adalah nama tadika, pemilikan, kurikulum, kakitangan dan pengurusan tadika dan kemudahan asas premis atau bangunan,

## **1.6 Penulisan Kertas Kerja Penubuhan Prasekolah**

Perancangan merupakan satu proses untuk mengenal pasti keperluan bagi pelaksanaan sesuatu aktiviti atau pertubuhan. Ianya juga merupakan proses yang pertama memerlukan tumpuan khusus dan kemahiran bagi memastikan kesemua aspek diteliti. Oleh itu, sebelum menyediakan premis prasekolah, semestinya kita perlu membuat perancangan yang sesuai sebagai langkah bijak. Langkah yang utama adalah menyediakan kertas kerja.

Berikut merupakan contoh format kertas kerja penubuhan prasekolah dan isu-isu utama yang saling berkait dengan penubuhan prasekolah.

## **1.7 Format kertas kerja**

### **1.7.1 Organisasi**

### **1.7.2 Individu**

## **KERTAS KERJA PENUBUHAN PRASEKOLAH**

### **1.0 Latar Belakang/Pengenalan**

- Menyatakan keperluan pendidikan prasekolah dalam negara Malaysia
- Kepentingan pendidikan prasekolah kepada kanak-kanak
- Pendidikan asas (seimbang & harmoni)
- Persediaan fizikal, mental, sosial, emosi sebelum persekolahan formal

### **2.0 Rasional**

- Mengapa perlu menubuhkan prasekolah?  
Antara contoh-contoh termasuklah :
  - Memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat setempat
  - Pendidikan kurikulum tambahan (selain daripada yang sedia ada).
    - Kurikulum selaras kehendak negara dan pembangunan modal insan
    - Yuran yang rasional
    - Apa signifikan prasekolah yang hendak ditubuhkan? Kebaikan dan keistimewaan prasekolah
  - Mempunyai pengangkutan sendiri
  - Persaingan dengan prasekolah sedia ada

### **3.0 Nama, Tema, Visi, Misi, Motto, Logo Prasekolah**

- Memberi nama prasekolah yang bermakna (pemberian nama prasekolah mempunyai syarat-syarat tertentu)
- Imej prasekolah yang ingin dikenali
- Huraian Tema

- Visi : Matlamat Jangka Panjang
- Misi : Pernyataan yang lebih terperinci dalam menjayakan visi
- Loga serta huraian

#### **4.0 *Objektif Penubuhan***

- Pecahan-pecahan jangkaan atau harapan bagi menjelaskan tujuan penubuhan prasekolah

#### **5.0 *Lokasi Tapak***

- Berikan alamat penuh premis (Juga nyatakan lokasi yang sesuai dan tidak sesuai untuk penubuhan prasekolah)
- Perkaitan lokasi prasekolah dengan pelanggan

#### **6.0 *Tarikh Mula Pelaksanaan***

- Tarikh prasekolah beroperasi

#### **7.0 *Pelan Pembangunan / Pelan Lantai***

- Draf lukisan menunjukkan skala betul dan tepat
- Penggunaan komputer digalakkan
- Bahagian dalam : Tampak dengan jelas pembahagian kawasan P&P, meja kanak-kanak, sudut P&P, dapur, tandas dan kemudahan lain.
- Bahagian luar : Tampak dengan jelas sudut permainan, sudut pasir/ air dan lain-lain.

#### **8.0 *Kriteria Pengambilan Kanak-Kanak***

- Umur
- Bangsa
- Latar belakang keluarga
- Anggaran sosio ekonomi pelanggan

### **9.0 Kurikulum & Program Pembelajaran**

- Mesti menggunakan kurikulum asas (Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, KSPK 2009)
- Menyediakan kurikulum tambahan
- Menyertakan jadual pembelajaran/jadual waktu
- Menggunakan buku-buku khas/alat bantu belajar yang digunakan
- Menyatakan jika ada program tambahan seperti hari pendaftaran atau suai kenal, mesyuarat PIBG, sukan tahunan, lawatan sambil belajar, sambutan hari jadi, sambutan hari kebangsaan, hari anugerah cemerlang, majlis konvokesyen, hari kebudayaan dan ko kurikulum atau majlis sambutan perayaan.

### **10.0 Kemudahan**

- Keperluan tandas
- Ruang belajar
- Rekreasi
- Bilik sakit/rehat
- Stor

### **11.0 Cadangan Inventori**

- Senaraikan kesemua inventori yang diperlukan seperti meja dan kerusi murid dan guru, komputer, alat pencetak, rak buku, meja makan, rak beg dan kasut, rak pinggan mangkuk, katil rehat, peti sejuk, televisyen, peralatan atau kabinet dapur, peralatan dapur, pemain vcd dan lain-lain.

### **12.0 Aspek Pemakanan**

- Nyatakan prinsip-prinsip penyediaan makanan (menunjukkan kualiti pemakanan kanak-kanak – halal , bersih dan seimbang)
- Bagaimana bentuk penyediaan makanan. Bermasak? Ditempah?
- Menyertakan menu makanan harian dalam seminggu
- Menyatakan jika ada keistimewaan dalam menu makanan yang disediakan

### **13.0 Aspek Kebersihan & Keselamatan**

- Menyatakan langkah-langkah menjaga kebersihan kawasan prasekolah
- Langkah-langkah kebersihan: Panduan mencuci tangan, menggosok gigi dan lain-lain
- Langkah-langkah keselamatan: Kawasan persekitaran tiada benda tajam/licin, pengawasan dari kawasan jalan raya dan lain-lain.
- Amalan penerapan rutin kebersihan

### **14.0 Aspek Kesihatan**

- Penjagaan Kesihatan Tubuh Badan
- Menerima perkhidmatan pencegahan penyakit, saringan kesihatan, rawatan ringan dan rujukan ke klinik atau hospital.
- Mengenal pasti masalah-masalah kesihatan yang mengganggu murid di prasekolah dan seterusnya membuat rujukan awal bagi membolehkan intervensi awal dan penempatan murid dalam sistem pendidikan khas.
- Memastikan tahap kesihatan murid sentiasa di tahap memuaskan melalui promosi kesihatan, pencegahan penyakit, rawatan dan rujukan.

### **15.0 Kos Penuhuan**

- Kos bangunan
- Kos penyediaan sudut-sudut pembelajaran (alat bantu mengajar)
- Kos taman permainan/ kawasan kanak-kanak memperoleh pengalaman



**16.0 Pengurusan Pengeloaan/ Staf**

- Menyatakan bilangan staf
- Menyediakan carta organisasi staf
- Kelulusan pendidikan staf
- Program pembangunan profesionalisme staf (kursus dan lain-lain)

**17.0 Pengurusan Kewangan (Belanja Harian, Belanja Bulanan dan Belanja Aktiviti Tahunan)**

- Bajet pemasaran
- Yuran bulanan
- Sewa bulanan
- Utiliti - Bil air , bil elektrik dan bil telefon
- Peralatan P&P
- Makan
- Gaji guru /pembantu guru

**18.0 Penutup**

- Menyatakan harapan kertas kerja diangkat bagi kelulusan
- Menyatakan harapan sokongan daripada pihak yang dipohon
- Menyediakan aspek kepentingan pendidikan awal kanak-kanak kepada negara.

Kesimpulannya, struktur-struktur organisasi setiap agensi adalah berbeza dari aspek-aspek matlamat, objektif dan pelaksanaan sesebuah organisasi.

*Rajah 1.0 : Dimensi Pengurusan Tadika*



**A. Rasional Merancang Program Pendidikan Awal Kanak-kanak**

1. Mengikut garis panduan
2. Memastikan keberkesanan – pemilihan pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti untuk mencapai objektif
3. Memilih dan menyediakan sumber yang sesuai untuk membantu mencapai objektif program yang dicapai
4. Dapat mengurus dan mengelola aktiviti secara teratur dan sistematik
5. Mudah untuk mengesan dan mengukur pencapaian aktiviti dan objektif

**B. Langkah-Langkah Asas Perancangan**

1. Mengumpul data untuk merancang
2. Menetapkan matlamat dan objektif
3. Mengenal pasti sumber, bahan dan teknik pelaksanaan
4. Mengenal pasti tindakan pelaksanaan
5. Membentuk set tindakan

**C. Perkara Yang Diambil kira Sewaktu Merancang**

1. Dasar kerajaan, peraturan dan undang-undang
2. Kehendak ibubapa
3. Kakitangan

**D. Ciri-Ciri Perancangan**

1. Dinyatakan dengan jelas
2. Ada sasaran khusus yang mesti dicapai
3. Memberi arah tunjuk serta hala tuju
4. Menjadi kayu ukur prestasi
5. SMART bermaksud *specific, measurable, rational, attainable*

**E. Merancang Program Pendidikan Awal Kanak-Kanak Mengikut**

- Matlamat
- Objektif
- Pengelolaan
- Peranan guru

**F. Merancang Program Pusat Penjagaan Kanak-kanak (Asuhan)**

Contoh pusat penjagaan samada program separuh hari mahu pun program sepenuh hari. Antara perancangan aktiviti termasuklah ketibaan kanak-kanak, aktiviti bermain, aktiviti pendidikan, rehat dan waktu balik.

**G. Merancang Aktiviti Pendidikan Prasekolah**

1. Merancang untuk mengajar
2. Menyedia matlamat guru dan objektif khusus
3. Melaksana tugas mengikut matlamat dan objektif
4. Merancang jadual dan rutin
5. Guru yang reflektif berupaya menguasai ilmu yang merangkumi kanak-kanak, komuniti dan isi kandungan

**H. Rutin Harian**

1. Ketibaan murid
2. Merancang waktu aktiviti
3. Kerja kumpulan
4. Aktiviti luar
5. Makan/minum pagi
6. Rehat
7. Penilaian dan bersurai

**I. Jenis Perancangan**

- Rancangan Jangka Panjang
- Rancangan Jangka Pendek

**J. Rancangan Jangka Panjang**

- Menggunakan tema
- Kenal pasti matlamat dan objektif

**i. Merancang Takwim**

- Menyenaraikan aktiviti dan program prasekolah sepanjang tahun dan jangkaan tarikh pelaksanaannya

**ii. Rancangan Tahunan/Semester**

- Dirancang mengikut bilangan minggu persekolahan dalam masa setahun
- Tema disusun mengikut peristiwa dan situasi semasa
- Menterjemah KSPK dengan memilih pembelajaran dalam tunjang yang bersesuaian dengan tema
- Hasil Pembelajaran yang dipilih mestilah mengikut pemeringkatan dari mudah ke sukar dan sukar ke abstrak
- Perancangan aktiviti mengambil kira situasi tertentu seperti sambutan hari jadi, pertandingan yang dianjurkan, lawatan dan peristiwa semasa

**iii. Cara Penyediaan Rancangan Tahunan/Semester**

- Rujuk takwim sekolah/tadika
- Memilih tema
- Menulis rancangan minggu ke minggu
- Menghimpunkan menjadi rancangan tahunan

**K. Rancangan Jangka Pendek**

- Rancangan pengajaran mengikut matlamat, objektif dan prosedur
- Perancangan harian
- Perancangan slot pengajaran – secara kelas/kumpulan

**i. Rancangan Harian**

- Penulisan berpandukan rancangan tahunan
- Aspek yang perlu ada dalam perancangan harian : nama kelas, tema, hari, tarikh, masa, tunjang, hasil pembelajaran, aktiviti, bahan, catatan/refleksi
- Aktiviti yang dirancang mengambil kira pengetahuan sedia ada murid, persekitaran dan bahan sedia ada
- Susunan aktiviti seimbang iaitu aktiviti dalam dan luar kelas, aktiviti kelas, kumpulan dan individu
- Sumber perlu sesuai, menitikberatkan minat, keperluan dan pengalaman murid

**L. Penilaian Di Prasekolah**

- Boleh berbentuk tidak formal dan/atau berterusan.
- Alat-alat pemerhatian termasuk pemerhatian, senarai semak, temu bual, skala berkadar, berstruktur, rekod kerja dan portfolio serta penilaian sendiri.

**M. Penilaian Program**

- Mengesan keberkesanan program
- Membuat penambahbaikan

<b>TAJUK 2</b>	<b>Pengurusan Perkhidmatan Makanan</b>
----------------	--

## 2.1 SINOPSIS


Unit ini mengandungi maklumat berkaitan perancangan perkhidmatan makanan, peruntukan dan bantuan kewangan, kemudahan penyediaan makanan, mengelakkan keracunan makanan, perancangan menu makanan serta menghidang dan menyediakan makanan. Maklumat ini penting untuk guru prasekolah agar lebih memahami tanggung jawab mengurus perkhidmatan makanan di prasekolah.

## 2.2 HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir pengajaran bab ini pelajar dapat :

1. Mengenalpasti bahan, peralatan, menu makanan yang bersesuaian dengan kanak-kanak serta pengurusan untuk melaksanakan perkhidmatan makanan dengan berkesan.

## 2.3 KERANGKA TAJUK-TAJUK



## **2.4 Pengurusan Perkhidmatan Makanan**

Peringkat awal kehidupan kanak-kanak adalah tahap yang kritikal bagi membentuk konsep dan tingkah laku pemakanan yang sihat (Lee dan rakan-rakan dalam Swadener, 1994). Oleh itu amalan pengurusan perkhidmatan makanan untuk kanak-kanak prasekolah sangat penting kerana kualiti pemakanan mempunyai kesan langsung ke atas pertumbuhan, perkembangan serta kesihatan kanak-kanak pada masa depan.

### **2.4.1 Perancangan perkhidmatan makanan**

Kanak-kanak perlu menerima makanan yang berkhasiat, bermutu tinggi dan seimbang kerana makanan yang tidak berkualiti menjejaskan perkembangan kanak-kanak. Oleh yang demikian, ibu bapa juga perlu terlibat secara langsung dalam program pemakanan di prasekolah.

Objektif Program Amalan Pemakanan Berkhasiat kanak-kanak adalah mempromosi hidup gaya sihat untuk kanak-kanak prasekolah. Di samping memenuhi keperluan sosial, menjadi tanggung jawab pihak pengurusan prasekolah untuk memastikan perancangan perkhidmatan makanan dilaksanakan dengan kesedaran dan komitmen yang tinggi baik dalam pemesanan kelengkapan pembelian makanan mahu pun yang dipertanggungjawabkan untuk memasak di dapur dan menyediakan kemudahan.

Di era moden ini kanak-kanak harus didedahkan dengan kelengkapan dan penyediaan makanan pelbagai cita rasa seperti makanan bercorak tradisional, kontinental, barat serta makanan ringan yang berkhasiat. Kepekaan ibu bapa perlu dalam aspek penyediaan makanan di prasekolah.

Sebagai guru yang mengurus prasekolah anda perlu mempunyai pengetahuan dalam aspek pemakanan. Terdapat 5 komponen utama yang perlu dikenal pasti dan dikuasai :

1. Pengetahuan diet
2. Pengetahuan berkenaan vegetarian
3. Pengetahuan keperluan air



4. Pengetahuan keperluan susu
5. Pengetahuan berkenaan keracunan makanan

Seterusnya, anda serta kakitangan yang terlibat dalam mengurus dan merancang makanan seharusnya arif tentang membuat penilaian bagi kanak-kanak sihat. Antara beberapa perkara penting yang perlu dititik beratkan dalam perancangan perkhidmatan makanan adalah :

- Merancang menu yang seimbang yang memiliki nutrient yang baik.
- Membeli makanan.
- Membuat penyeliaan pada makanan yang ditempah dan masukkannya dalam inventori.
- Mengawasi keperluan dapur.
- Mengekalkan kepuasan yang tinggi iaitu pengurusan, penyediaan makanan dan tempat membuang sampah.
- Mengawal perbelanjaan dan membuat laporan kepada pengurusan.
- Menghargai keperluan dan perbezaan budaya dalam pemakanan setiap kanak-kanak.
- Mengetahui keperluan dan cara komunikasi yang sesuai berkenaan pemakanan kanak-kanak.
- Menyediakan pemeriksaan kesihatan bagi pengendali makanan.
- Menyimpan rekod pemakanan kanak-kanak.
- Menyediakan rekod dan kapasiti pemakanan.
- Membina kerjasama dan persefahaman antara guru, ibu bapa dan pihak pengurusan.

#### **2.4.2 Peruntukan dan bantuan kewangan**

Prasekolah mempunyai peruntukan kewangannya sendiri. Ia perlu diurus dengan sempurna mengikut prosedur yang betul. Sebagai pengurus sekolah Guru Besar perlu mengetahui peranan dan tanggungjawabnya dalam mengurus kewangan tersebut .

## **Kewangan**

1. Bantuan perkapita (LPBT) akan diberi pada kadar RM 100.00 ( Ringgit Malaysia : Seratus sahaja ) bagi setiap kanak-kanak setahun. **Rujuk Surat Pekeliling kewangan Bil. 5 Tahun 2002 – Lampiran B – perkara A dan Lampiran C – Jadual 1**
2. Penggunaan wang perkapita adalah untuk pengurusan dan pentadbiran hal-hal berkaitan pembelajaran prasekolah sahaja.
3. Pembelian peralatan kecil dan bahan habis guna bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.
4. Penyelenggaraan peralatan permainan dalam dan luar bilik darjah serta penyelenggaraan komputer dan lain-lain peralatan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.
5. Pembelian buku rujukan, ensiklopedia, perisian, video tape /CD dan lain-lain yang bersesuaian untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.
6. Program lawatan berunsurkan pendidikan yang boleh memberi pengukuhan kepada proses pengajaran dan pembelajaran sama ada semasa cuti persekolahan atau hari persekolahan.
7. Perolehan harta modal adalah tidak dibenarkan.
8. Menguruskan peruntukan tambahan bagi aktiviti prasekolah mengikut aturan dan peraturan kewangan.
9. Sumber tambahan : boleh menggunakan mana- mana wang peruntukan bantuan lain/suwa sekolah untuk keperluan kelas prasekolah jika perlu.
10. Tiada yuran dikenakan ke atas murid prasekolah.

### **Makanan**

1. Makanan hendaklah disediakan oleh sekolah di atas kadar RM 1.50 sehari bagi setiap murid. ***Rujuk Pekeliling Kewangan Bil.6 Tahun 2002 : Perkara 3.1***
2. Tuntutan hendaklah dibuat sekali setahun sebagaimana yang telah ditetapkan.
3. Menguruskan peruntukan pembelian makanan tambahan /bekalan bahan – bahan makanan dan minuman mengikut tatacara kewangan yang ditetapkan.
4. Makanan mestilah seimbang dan mengikut menu.
5. Minuman yang mengandungi bahan pewarna adalah dilarang.

Kewangan adalah satu bahan pengantaraan dan ditukar ketika membeli sumber yang diperlukan untuk membangun pusat pendidikan awal kanak-kanak. Pengendalian pusat pendidikan awal kanak-kanak memerlukan pengagihan kewangan yang bijaksana. Kealpaan dalam pengagihan dan mengurus kewangan yang ada akan mendatangkan masalah dan menjejaskan pelaksanaan pembelajaran di pusat pendidikan. Oleh itu pengurusan kewangan yang baik dan teratur hendaklah dirancang dan sentiasa dikemas kini.

#### **A. Peruntukan Makanan**

1. Perancangan Peruntukan Makanan/Minuman
2. Perancangan Menu Bulanan
3. Anggaran Perbelanjaan
  - i. Bahan Basah
  - ii. Bahan Kering
4. Tuntutan Perbelanjaan Bulanan
5. Buku Tunai - Pendapatan & Perbelanjaan
6. Fail Kewangan
  - Surat Tuntutan Perbelanjaan

- Baucer Bayaran (sertakan resit)

### **B. Peruntukan Perkapita**

1. Perancangan Perbelanjaan
2. Daftar Stok Bekalan Pejabat
  - Barang Kekal
  - Barang Hapus Kira

### **C. Perancangan Tahunan Perbelanjaan Peruntukan Wang Makan**

Perancangan ini hendaklah disediakan sebelum penggal persekolahan bermula tiap-tiap tahun. Suatu perancangan perbelanjaan tahunan perlu disediakan bagi membolehkan pihak pengurusan prasekolah mengetahui jumlah wang yang diperlukan bagi bulan/penggal tertentu. Perancangan tahunan ini dapat dijadikan panduan kepada pihak pengurusan prasekolah bagi mengeluarkan wang peruntukan terlebih dahulu kepada guru prasekolah, bagi keperluan membeli bekalan makanan/minuman, untuk bulan tertentu. Anda tidak perlu menggunakan wang peribadi terlebih dahulu untuk perbelanjaan makan/minum murid-murid. Di prasekolah Kementerian Pelajaran, makan minum murid-murid prasekolah hendaklah diuruskan dan disediakan oleh guru/pengasuh kelas prasekolah yang bertugas. Pihak pengurusan prasekolah tidak dibenarkan sama sekali menggunakan perkhidmatan kantin/koperasi sekolah dalam pengurusan/penyediaan makan minum murid-murid prasekolah.

### **D. Penyata Kewangan Bulanan**

Di prasekolah Kementerian Pelajaran, status penyata kewangan bagi catatan penerimaan dan perbelanjaan wang peruntukan yang diterima oleh guru /pengasuh daripada Guru Besar (sebagaimana perancangan tahunan), perlu disediakan oleh guru/pengasuh secara kemaskini tiap-tiap bulan. Penyata ini perlu disemak dan ditandatangani oleh Guru Besar pada akhir bulan dan dianggap sebagai dokumen sokongan bagi pengurusan perbelanjaan wang

peruntukan prasekolah. Ianya wajar diteliti dan diperiksa oleh audit sekolah. Penyata kewangan ini perlu disediakan di dalam suatu buku tunai khas.

Kesimpulannya, memang agak sukar merangka bajet, mengurus pelaksanaannya dan mengawal perbelanjaan. Anda perlu lebih berkaliber dan mempunyai visi menyelaras dan mengemudi pentadbiran prasekolah dengan berkesan.

### **2.4.3 Kemudahan penyediaan makanan**

Antara kriteria yang perlu diambil kira adalah dalam mengurus sajian makanan termasuklah :

1. Perancangan makanan
2. Prosedur-prosedur perancangan makanan
3. Pengetahuan dalam pemakanan
4. Kakitangan pengurusan makanan
5. Pengendalian semasa kanak-kanak makan

Nasihat pemakanan perlu diberikan kepada pihak yang dipertanggungjawabkan berkaitan pemilihan bahan mentah yang segar dalam penyediaan makanan kepada kanak-kanak. Makanan yang dibeli mestilah berkualiti dengan mempertimbangkan harga yang berpatutan. Kenali dan teliti bahan makanan supaya segar, tidak luput tarikh, busuk, berkulat, hapak dan seumpamanya. Pastikan kuantiti yang diperlukan dikira secara teliti agar tidak berlaku pembaziran atau terlebih belanja. Semasa menyediakan makanan hendaklah menggunakan resipi yang standard. Sediakan ruang yang secukupnya bagi makanan yang boleh disimpan. Pastikan ada rekod jenis dan kualiti makanan yang dibeli, kos yang terlibat dan bagaimana digunakan dan lain-lain yang difikirkan perlu.

### **2.4.4 Mengelakkan keracunan makanan**

### **Apa itu makanan yang selamat?**

Makanan yang selamat ialah makanan yang bebas dari pencemaran. Penyediaan makanan yang selamat adalah penting untuk mencegah keracunan makanan.

#### **Fakta penting:**

- Bakteria keracunan makanan boleh dipindahkan kepada orang lain dalam sesuatu masa.
- Bakteria keracunan makanan ini boleh ditemui di hidung, mulut, tangan, usus dan luka yang dijangkiti kuman
- Bakteria keracunan makanan ini boleh disebarkan oleh orang yang menyediakan makanan melalui bersin, batuk ke dalam makanan dan dengan menyentuh makanan.
- Kebanyakan wabak keracunan makanan timbul akibat dari pencemaran makanan semasa makanan disediakan oleh orang yang menyediakan makanan tersebut

### **Apa yang perlu anda buat untuk memastikan penyediaan makanan yang selamat?**

- Menjaga kebersihan diri
- Basuh tangan dengan betul, terutama sekali:
  - Selepas keluar dari tandas
  - Mengendalikan sisa makanan
  - Selepas makan, merokok atau menghembus hidung
  - Selepas mengendalikan bahan mentah dan sebelum menyajikan makanan
- Pastikan kuku sentiasa bersih dan pendek
- Pakai pakaian yang bersih dan penutup kepala
- Balut luka dengan pembalut luka yang kalis air
- Tanggalkan semua perhiasan seperti cincin, gelang dan jam tangan sebelum menyediakan makanan

- Amalkan tabiat yang sihat apabila menyediakan makanan
- Gunakan sudu, garpu atau penyepit (tong) untuk menyajikan makanan
- Gunakan kain/tuala yang berasingan untuk mengelap tangan, meja dan peralatan makan
- Gunakan papan pemotong yang berasingan untuk bahan mentah dan yang telah dimasak

**Dilarang :**

- Meludah, mengorek hidung atau telinga semasa menyediakan makanan
- Makan, merokok atau mengunyah gula-gula getah atau sirih semasa menyediakan makanan
- Batuk atau bersin ke arah makanan
- Menyentuh bahagian dalam permukaan pinggan, cawan atau gelas semasa menghidang makanan.
- Menjilat jari semasa menyediakan makanan
- Menggaru kepala semasa menyediakan makanan
- Menghembus hidung ke dalam beg, pembungkus atau bekas yang digunakan untuk makanan dan minuman
- Merasa makanan dengan jari atau sudu yang tidak dibasuh
- Menggunakan tangan untuk menyajikan makanan
- Menggunakan bahan bercetak seperti kertas surat khabar untuk membungkus makanan
- Menggunakan peralatan seperti pinggan, cawan dan piring yang pecah, retak atau rosak.

**Mengapa memilih makanan yang selamat?**

Memilih makanan yang selamat penting untuk mengelakkan keracunan makanan.

**Bagaimana untuk memilih makanan yang selamat?**

- ❑ Pilih bahan mentah yang segar
  - Sayur-sayuran dan buah-buahan
    - Tidak layu, kecut, bertukar warna dan busuk
  - Ikan
    - Kulit yang bersinar dan berwarna terang dan tidak diselaputi oleh lendir yang tebal
    - Cerah dan matanya tidak tenggelam
    - Segar dan insangnya berwarna merah cerah (bukan perang atau kering)
    - Tidak berbau busuk
    - Isi yang kenyal
  - Udang
    - Tidak rosak, kulitnya lutsinar tanpa tompok-tompok hitam
    - Tidak berbau busuk
  - Daging
    - Segar dan tidak berselaput
    - Tidak busuk
  - Unggas
    - Segar
    - Tidak busuk dan tidak bertukar warna
    - Lihat kepada kegemukan di dada dan kelicinan kulitnya
  - Telur
    - Tidak retak atau bocor
    - Tidak terlalu tua atau terlampau banyak najis dan kotoran pada kulit telur
  - Bijirin/kekacang
    - Tidak berkulat
    - Tidak dicemari oleh serangga atau bahan asing



- Tidak dicampur dengan bahan lain yang lebih murah
- ☐ Pilih makanan yang selamat
  - Makanan dalam tin
    - Tin itu tidak kemek, kembung atau berkarat
    - Tudungnya tidak kembung
    - Tidak bocor
    - Belum tamat tarikh luput
  - Makanan yang dibungkus
    - Tidak bocor atau kotor
    - Tidak menggunakan bahan bercetak (majalah dan surat khabar) untuk membungkus.
- ☐ Pilih makanan yang telah dimasak dengan sempurna
  - Daging yang telah dimasak dengan sempurna, berwarna perang dibahagian dalamnya
  - Ayam yang telah dimasak mempunyai jus yang berwarna jernih dan tidak berwarna merah jambu apabila dicucuk dengan garfu
  - Ikan yang telah dimasak mesti mudah dipisahkan isi dari tulang dan tidak berwarna merah jambu
  - Telur kuning dan putih tidak jernih atau lutsinar
- ☐ Pilih makanan yang baru dimasak
  - Elakan dari memakan makanan yang disediakan terlalu awal dari masa untuk dimakan
  - Lebih baik untuk makan sebaik sahaja selepas dimasak
  - Panaskan dengan sempurna makanan yang telah dihidangkan untuk beberapa lama

- ❑ Pilih makanan yang disimpan dengan betul (lihat [Panduan Untuk Menyimpan Makanan Dengan Selamat](#))
  - Bahan mentah yang mudah busuk (daging, ayam dan ikan) sepatutnya disimpan pada suhu yang betul
  - Makanan yang telah dimasak tidak disimpan bersama dengan bahan mentah
  - Elakan dari membiarkan makanan terhidang pada suhu bilik terlalu lama (lebih dari 4 jam)
  - Bungkus atau tutup makanan untuk disimpan
  - Makanan yang sedia untuk dimakan yang dipamerkan harus ditutup dengan sempurna

### **Panduan Untuk Menyimpan Makanan Dengan Selamat**

Jika makanan tidak disimpan dengan selamat, ia akan menjadi tempat untuk bakteria membiak dan perubahan kimia akan berlaku. Cara menyimpan makanan yang betul adalah penting kerana :

- Untuk memastikan makanan berada dalam keadaan yang selamat sehingga dimakan
- Untuk mengekalkan rupa dan rasa makanan tersebut
- Untuk kesedapan makanan tersebut
- Untuk mengekalkan khasiat makanan tersebut

Makanan perlu disimpan pada suhu yang betul, persekitaran yang bersih dan dimakan sebelum tarikh luput.

### **Fakta penting**

- Menyimpan dengan betul akan membantu untuk meminimalkan makanan menjadi basi, tercemar dan membazir.
- Makanan yang telah dimasak boleh menjadi tercemar walaupun bercampur dengan sedikit sahaja bahan mentah.
- Menyimpan dalam peti sejuk adalah cara yang mudah dan selamat untuk menyimpan makanan untuk tempoh yang singkat

- Jangan basuh sayur-sayuran hijau sebelum disimpan di dalam peti sejuk.
- Simpan mentega atau majerin berasingan dari ikan dan buah-buahan kerana ia boleh berubah dengan bau tersebut.
- Jangan bekukan kembali makanan selepas dinyahbekukan
- Simpan telur dan yang berasaskan telur berasingan dari bawang kerana ia boleh berubah dengan bau bawang.
- Makanan untuk bayi mesti segar dan buang lebihan makanan tersebut (ia tidak sepatutnya disimpan langsung).
- Baca label pada pembungkus/bekas makanan untuk cara menyimpan sebelum dan selepas membukanya.

### **Bagaimana untuk menyimpan makanan dengan betul?**

Ada beberapa cara untuk menyimpan makanan:

- Penyejukan
- Pembekuan
- Penyimpanan pada suhu bilik

Cara untuk menyimpan makanan bergantung kepada jenis makanan.

### **Bagaimana cara makanan disimpan di dalam peti sejuk?**

Peraturan untuk menyimpan makanan di dalam peti sejuk:

#### **Anda perlu:**

- Simpan semua makanan yang telah dimasak di dalam bekas yang bertutup, beg plastik yang bertutup, di bungkus dengan plastik nipis atau kertas aluminium.  
(Kenapa? Ini akan mengurangkan pengeringan, pencemaran, perubahan bau dan tumpah)
- Simpan makanan yang telah dimasak di bahagian atas dan bahagian yang berbeza dengan yang mentah  
(Kenapa? Bahan mentah seperti daging mentah dan sayur-sayuran biasanya mengandungi bakteria yang merbahaya yang boleh mencemar makanan yang telah dimasak dan menyebabkan keracunan dan basi)

- Simpan bahan mentah yang mungkin akan tumpah di dalam bekas.  
Letakkan di bahagian bawah peti sejuk (Kenapa? Tumpahan dari bahan mentah boleh mencemar makanan yang telah dimasak)
- Simpan telur dan makanan yang berasaskan telur di bahagian yang lebih sejuk  
(Kenapa? Ini adalah kerana suhu yang lebih rendah melembapkan pembiakan bakteria)
- Bungkus sayur-sayuran dengan bekas plastik yang berlubang (Kenapa? Ini akan mengurangkan kehilangan air dan untuk peredaran udara)
- Letak sayur-sayuran dan buah-buahan di bahagian bawah peti sejuk  
(Kenapa? Untuk mengelakkan ianya rosak oleh pembekuan)

**Jangan :**

- Menyimpan makanan dalam tin yang telah dibuka dalam peti sejuk.  
Pindahkan makanan tersebut ke dalam bekas plastik atau kaca sebelum disimpan ke dalam peti sejuk  
(Kenapa? Jika disimpan dalam tin yang asal, kandungannya akan bertindak balas dengan logam tin tersebut apabila terdedah ke udara)
- Simpan makanan yang panas ke dalam peti sejuk  
(Kenapa? Makanan yang panas perlu disejukkan dulu sebelum disimpan untuk menghalang pertambahan kelembapan dan mengekalkan suhu di dalam peti sejuk)
- Padatkan rak-rak di dalam peti sejuk  
(Kenapa? Ini adalah untuk membolehkan udara yang sejuk beredar dengan baik di dalam peti sejuk)
- Menyimpan daging, ikan dan unggas di dalam peti sejuk lebih dari 3 hari  
(Kenapa? Kandungan protein dan kelembapan yang tinggi di dalam makanan tersebut akan menggalakkan pembiakan bakteria dan menjadi busuk)
- Menyimpan makanan atau lebihan makanan lebih dari 5 hari

### **Apakah yang dikatakan menyimpan beku?**

Menyimpan pada suhu yang mengekalkan makanan dalam keadaan beku. Makanan yang disimpan dalam bahagian beku boleh disimpan untuk tempoh yang lebih lama.

Peraturan untuk menyimpan makanan di bahagian beku :

#### **Anda perlu:**

- Simpan daging, ayam dan ikan dalam bekas , beg plastik yang kedap udara atau dibungkus dengan pembungkus polyethylene.  
(Kenapa? Untuk menghalang kehilangan kelembapan dan untuk mengelakkan pencemaran bahan makanan lain dengan baunya)
- Potong daging dan ayam kepada bahagian yang lebih kecil  
(Kenapa? Bahagian yang lebih kecil akan lebih mudah dibekukan dalam masa yang singkat)
- Bungkus makanan dengan lapisan plastik atau beg beku sebelum disimpan ke dalam bahagian beku peti sejuk
- Basuh daging, ikan dan ayam dengan sempurna sebelum disimpan di dalam peti beku.

#### **Jangan :**

- Menyimpan buah-buahan atau sayur-sayuran di dalam bekas beku  
(Kenapa? Suhu pada tahap beku akan merosakkan tisu buah-buahan dan sayuran)
- Masukkan ramuan ke dalam ayam sebelum disimpan. Masukkan ramuan hanya apabila ingin dimasak.  
(kenapa? Peti sejuk tidak cukup sejuk untuk membekukan daging unggas yang disumbat itu dalam masa yang singkat)
- Menyimpan padat bahagian beku peti sejuk anda.  
(Kenapa? Untuk membenarkan udara sejuk mengalir)
- Membekukan makanan dalam tin.  
(Kenapa? Pada tahap beku kandungan dalam tin itu akan mengembang

dan keadaan ini akan merosakkan tin tersebut dan menyebabkan ia tumpah)

**Bagaimana untuk menyimpan pada suhu bilik?**

Cara untuk menyimpan makanan pada suhu bilik

**Anda mesti :**

- Menyimpan makanan kering seperti tepung, gula, beras dan serbuk teh di dalam bekas yang bertutup rapat.  
(Kenapa? Untuk menghalang pencemaran oleh serangga dan tikus)
- Simpan makanan dalam tin di tempat yang sejuk
- Simpan sayuran seperti ubi kentang dan bawang di tempat yang sejuk dan kering, jauh dari sinaran langsung matahari untuk menghalang makanan tersebut dari bercambah
- Simpan susu yang telah dinyahkuman atau UHT di tempat sejuk. Simpan di dalam peti sejuk apabila telah dibuka dan habiskan dalam masa seminggu.
- Simpan roti pada suhu bilik di dalam bekas yang bersih, kering dan berangin.
- Simpan tepung dalam bekas asalnya di tempat yang sejuk, kering dan berangin. Jangan campur tepung yang lama dengan yang baru
- Simpan buah-buahan yang belum masak seperti pisang pada suhu bilik
- Jauhkan makanan dari dinding dan paip-paip bagi mengelakkan dicemari oleh tikus dan serangga.
- Pastikan kabinet untuk menyimpan makanan bersih, kering dan berangin

**Jangan :**

- Menyimpan makanan bersama-sama dengan bahan kimia, ubat-ubatan dan racun seperti racun serangga, racun rumpai, racun tikus, peluntur dan sabun
- Biarkan makanan yang telah dimasak terhidang lebih dari 4 jam pada suhu bilik

#### **2.4.5 Perancangan menu makanan**

Merancang dan menyediakan makanan yang seimbang adalah penting bagi kanak-kanak yang membesar. Imbas kembali amalan dan rutin berkaitan perancangan menu makanan di prasekolah anda. Adakah ia menepati kriteria berikut?

##### **Kriteria Merancang Makanan bagi Kesihatan**

1. Kepelbagaian jenis makanan yang bernutrien dan budaya pemakanan yang sihat.
2. Kolerasi antara budaya dan sistem pemakanan di rumah.
3. Mengamalkan sistem latihan yang sistematik dalam pengendalian makanan.
4. Menyediakan tempat atau pun suasana pemakanan yang sesuai dengan keperluan dan kuantiti kanak-kanak.

##### **Mengapa perancangan menu sihat dan seimbang penting untuk kanak-kanak prasekolah?**

- Dapat memberi tenaga yang diperlukan serta mencukupi bagi kanak-kanak dalam aktiviti belajar sambil bermain.
- Dapat membantu ketahanan badan bagi mengelak daripada jangkitan virus serta sembuh daripada luka atau pun penyakit.
- Untuk membekalkan makanan dan snek yang sihat pada waktu yang bersesuaian justeru baik untuk pembinaan badan dan juga pembesaran..
- Memastikan kepelbagaian dalam setiap sajian agar kanak-kanak mendapat makanan yang seimbang.
- Untuk mengurangkan pilihan makanan berulang.
- Membuat perancangan awal bahan yang diperlukan bagi mengelakkan daripada membeli di saat akhir atau dalam keadaan yang tergesa-gesa.

- Untuk menjimatkan masa. Dengan merujuk kepada menu yang dirancang, anda boleh mengutamakan makanan yang boleh disedia awal.

**Kumpulan Makanan Yang Berkhasiat Berasaskan Piramid Makanan.**

Amalan makanan yang sihat ialah memilih dan makan pelbagai makanan berasaskan Piramid Makanan. Menurut Kumpulan Kebangsaan "*Healthy Eating*" (Kementerian Kesihatan , 1997) tidak ada satu jenis makanan yang dapat membekalkan semua zat makanan yang diperlukan.

Dengan memakan pelbagai jenis makanan daripada lima kumpulan makanan, semua zat yang diperlukan badan dapat diperolehi. Pengambilan makanan perlu seimbang, iaitu makanan pada aras bawah piramid perlu dimakan banyak dan makanan aras atas piramid perlu dimakan sedikit setiap hari.

Aktiviti-aktiviti yang dirancang di dalam Program Amalan Pemakanan Berkhasiat memberi penekanan kepada pemusatan kanak-kanak dan kesesuaian fizikal prasekolah yang terlibat. Fakta berikut boleh membantu anda meningkatkan pengetahuan, sikap dan amalan pemakanan yang sihat di kalangan kanak-kanak prasekolah iaitu


1. Makan lebih sayur-sayuran dan buah-buahan
2. Pilih makanan rendah lemak dan kurang manis
3. Minum banyak air kosong






Gambar 2.0 Jenis-jenis makanan seimbang

### Prosedur-prosedur Perancangan Pemakanan





Rajah 2.1 Prosedur perancangan pemakanan

Saranan pengambilan makanan bagi kanak-kanak perempuan adalah 1800 hingga 2000 Kcal (tenaga) bagi setiap pengambilan manakala bagi kanak-kanak lelaki pula ialah 2000 hingga 2500 Kcal (tenaga) bagi setiap pengambilan.

Berikut adalah saranan pengambilan makanan untuk kanak-kanak mengikut kumpulan makanan yang memberi tenaga (kabohidrat), protein, lemak, vitamin, mineral, serat dan air.

Karbohidrat		Vitamin	
50 %	Metabolik basal	A	700 – 1000 (ug RE)
5%	Penghadaman makanan	B1(Thiamine)	1.2 – 1.4 mg
25%	Aktiviti fizikal	B2(Riboflavin)	1.4 – 1.6 mg
12%	Pembesaran tisu ( <i>tissue growth</i> )	B3(Niacin)	16 – 18 mg
8%	Pembuangan najis ( <i>faecal loss</i> )	B5(Folacin)	300 – 400 mg
		B6(Pyridoxine)	1.6 – 1.8 mg
		B9(Folic Acid)	180 – 200 mcg
		B12	3 ug
Mineral		Protein	
Kalsium	800 – 1200 mg	Bayi 6 bulan ke atas (2.2 g/kg), kanak-kanak 2 g/kg dan menurun sehingga 0.8 g/kg bagi dewasa.	
Zat besi	10 – 18 mg		
Magnesium	250 – 350 mg		
Zink	10 – 15 mg		
Iodin	120 – 150 ug		
		Air	

Kuprum	1.0 – 1.5 mg	70 -75 % air di dalam badan. Bayi mengambil air 10% hingga 15% daripada berat badan dan orang dewasa mengambil air 2 % hingga 4% daripada berat badan.
Selenium	0.02 – 0.08 mg	
Potassium	550 – 1650 mg	
Klorida	500 – 1500 mg	
Sodium	250 – 750 mg	

### **Tips merancang menu sihat untuk waktu makanan utama**

- Pastikan hidangan utama terdiri daripada 5 kumpulan makanan dalam Piramid Makanan Malaysia.
- Pilih hidangan daripada produk bijirin penuh
- Tambahkan buah-buahan dan sayur-sayuran dalam hidangan utama.  
(contoh : tomato dalam ayam masak merah)
- Tambahkan satu sajian makanan dari kumpulan ikan, ayam, daging atau telur dengan makanan alternatif seperti kacang panggang, kacang peas, dal atau tauhu. Contohnya, campurkan kacang peas dalam resepi ayam masak kicap atau campurkan tempe dalam sambal ikan bilis.

### **Tips merancang menu sihat untuk makanan snek**

- Masukkan sekurang-kurangnya 2 kumpulan makanan yang berlainan dalam setiap sajian snek.
- Pilih snek berkhasiat seperti sayur-sayuran, buah-buahan, roti bijirin penuh, susu, keju dan dadih.
- Kurangkan snek yang terlalu manis dan melekit seperti gula-gula yang boleh melekat pada gigi kanak-kanak yang boleh menyebabkan karies gigi.

### **Senarai semak pelan perancangan menu sihat**

Guna senarai semak berikut untuk memastikan menu yang anda rancang adalah lengkap:

- Adakah kanak-kanak mendapat pelbagai jenis makanan setiap hari?

- Adakah kanak-kanak mengambil makanan daripada setiap kumpulan makanan?
- Adakah kanak-kanak meminum susu dan air kosong setiap hari?
- Adakah anda/pembantu pengurusan murid berusaha untuk menyediakan hidangan dengan cara memasak yang berbeza setiap hari?
- Adakah terdapat ulangan hidangan dan jenis makanan yang terlalu kerap? Contohnya makanan bergoreng 5 kali seminggu.
- Adakah sajian anda tinggi nilai khasiatnya?

#### **2.4.6 Menghidang dan menyediakan makanan**

Pemilihan dan amalan pengambilan makanan sihat perlu diterapkan di kalangan kanak-kanak sekolah. Berikut adalah panduan am untuk membantu anda memilih makanan sihat untuk kanak-kanak agar mereka dapat makan secara sihat dan belajar menikmati makanan berkhasiat:

##### **1. Gunakan maklumat yang positif**

Beritahu kanak-kanak bahawa semua makanan boleh memenuhi keperluan pemakanan yang sihat. Tidak ada makanan yang baik atau tidak baik. Kunci utama pemakanan sihat ialah pilihan dan pengambilan makanan secara sederhana. Ajar mereka mengenai pemakanan yang baik dengan cara yang mudah seperti *yogurt* dan susu boleh membantu perkembangan tulang yang kuat atau lobak merah membantu anda melihat dalam keadaan yang gelap.

##### **2. Tumpukan kepada pemilihan makanan yang kaya dengan nutrien**

Sentiasa galakkan kanak-kanak untuk memilih makanan yang kaya dengan nutrient. Ajar mereka untuk sentiasa memilih makanan seperti:

- Buah-buahan berwarna terang sebagai snek berbanding gula-gula.
- Sayur-sayuran beraneka warna.
- Makanan yang diperkaya dengan nutrien, bijirin penuh dan yang tinggi serat.
- Minuman bersusu berbanding minuman kordial.

- Hidangan yang kurang berminyak dan bergula.
- Hidangan yang mengandungi produk kekacang seperti tempe dan tahu selain ayam, daging dan ikan.

### 3. **Jadi contoh yang baik**

Kanak-kanak mudah dipengaruhi oleh keadaan sekeliling dan orang yang rapat dengan mereka. Sebagai guru, pemilihan makanan yang anda buat akan mempengaruhi murid. Jika anda memilih makanan yang sihat, kanak-kanak juga akan mencontohi anda.

Selain menunjukkan contoh tabiat makan yang sihat, bincang dengan anak-anak tentang Panduan Piramid Makanan dan pelbagai sajian makanan lazat yang boleh dinikmati.

### 4. **Masak bersama**

Kanak-kanak lebih teruja dan berminat untuk mengambil makanan sihat apabila mereka diberi peluang untuk menyediakan makanan. Libatkan mereka semasa menyediakan hidangan seperti sandwich atau salad buah-buahan dalam slot pengajaran dan pembelajaran. Benarkan mereka menambah apa yang mereka gemar dalam makanan mengikut kreativiti mereka.

### 5. **Bercucuk tanam bersama**

Libatkan murid semasa menanam sayur atau buah di kebun, sekiranya melaksanakan projek sains di prasekolah. Pilih makanan yang kaya dengan nutrien. Bantu murid memilih satu atau dua bungkusan makanan snek kegemaran mereka yang kaya dengan nutrien untuk dibawa ke sesi lawatan prasekolah.

### **Pengendalian semasa kanak-kanak makan.**

Berusahalah untuk memberi makanan yang pelbagai, seimbang dan berkhasiat agar kanak-kanak prasekolah dapat membesar dan kekal sihat.

Pemilihan dan amalan pengambilan makanan sihat perlu diterapkan di kalangan mereka. :

1. Ruang makan, meja dan kerusi perlu sesuai dengan kanak-kanak.
2. Basuh tangan dengan cara yang betul sebelum makan.
3. Duduk dengan tertib dan bersopan sebelum makan.
4. Mengamalkan membaca doa sebelum dan selepas makan.
5. Tetapkan kumpulan kanak-kanak sebelum makan.
6. Jangan berebut semasa mengambil makanan yang dihidangkan.
7. Guru dan pembantu perlu ada bersama-sama semasa kanak-kanak makan.
8. Pihak pengurusan perlu merasa makanan sebelum dihidangkan terlebih dahulu.
9. Semua kanak-kanak terlibat sama dalam aktiviti sebelum, sewaktu dan selepas makan.
10. Pinggan mangkuk perlu sesuai dengan kanak-kanak.
11. Berikan kanak-kanak masa senggang yang cukup selepas makan.

#### **Urusan Penyediaan Makanan/Mengemas/Membersih**

Melihat sebahagian skop fungsi dan bidang tugas, perlu dinyatakan di sini bahawa dalam urusan penyediaan makanan/mengemas/membersih, Pembantu Pengurusan Murid bertanggungjawab ke atas tugas-tugas seperti berikut:

- (a) Menyedia dan menghidangkan makanan dan minuman yang bersih, berzat dan seimbang bagi murid-murid prasekolah.
- (b) Mengemas dan membersihkan perkakas seperti pinggan, piring, cawan, peralatan dapur, mangkuk, cerek, peti ais dan sebagainya.
- (c) Menyedia dan mengemaskan bilik darjah dan bilik-bilik atau ruang yang lain sebelum dan selepas kelas termasuk menyapu, mengunci kelas dan menjaga kebersihan bilik darjah dan ruang-ruang lain.
- (d) Mengatur kerusi dan meja serta membantu guru menyusun alat dan bahan pengajaran di dalam kelas.

	<b>Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan</b>
--	---

### **3.1 SINOPSIS**

Unit ini dibahagikan kepada dua bahagian utama yang akan membincangkan topik merancang persekitaran yang sihat dan aspek-aspek keselamatan kanak-kanak.

Antara topik yang disentuh dalam merancang persekitaran yang sihat termasuklah penyimpanan rekod kesihatan kanak-kanak, pengurusan kanak-kanak sakit, pengurusan bilik darjah (cahaya dan peredaran udara), latihan penggunaan tandas, rehat dan tidur dan pendidikan kesihatan.


Seterusnya topik keselamatan kanak-kanak akan menghurai dengan lebih lanjut berkaitan merancang keselamatan luar dan dalam prasekolah, keselamatan kanak-kanak di pusat prasekolah (normal dan berkeperluan khas), penderaan kanak-kanak, peralatan (perabot dan peralatan permainan luar dan dalam) serta keselamatan ketibaan dan kepulangan kanak-kanak.

### **3.2 HASIL PEMBELAJARAN**

Pada akhir pengajaran bab ini pelajar dapat:

1. Mengenal pasti garis panduan dan peraturan keselamatan dan kesihatan pusat prasekolah.
2. Mengetahui bagaimana merancang persekitaran yang sihat.
3. Menghuraikan tentang keselamatan kanak-kanak.

### 3.3 KERANGKA TAJUK-TAJUK



#### 3.4 Merancang persekitaran yang sihat

Prasekolah merupakan tempat transit pertama dari rumah ke alam pendidikan yang lebih formal. Unsur keselamatan sering menjadi persoalan di prasekolah, lebih-lebih lagi kanak-kanak mudah dan sering ditimpa kemalangan kerana kurang peka pada bahaya di sekeliling mereka. Sebagai seorang guru prasekolah yang prihatin dan bertanggungjawab seharusnya anda mengambil langkah-langkah keselamatan bagi memastikan kanak-kanak prasekolah berada dalam keadaan selamat, bersih dan sihat dari aspek emosi dan fizikal dan sentiasa di bawah pengawasan dan penjagaan orang dewasa.



### **3.4.1 Penyimpanan Rekod Kesihatan Kanak-Kanak**

Menjadi kewajipan pihak pengurusan prasekolah untuk menyimpan Buku Rekod Kesihatan dan Laporan Pergigian kanak-kanak. Anda perlu mencatat segala laporan doktor berkaitan kanak-kanak terbabit sekiranya kanak-kanak mendapatkan bantuan pakar perubatan. Rawatan yang diterima perlu dicatatkan supaya mudah merujuk kembali apakah jenis rawatan yang diterima dan ubat-ubatan yang disyorkan pada kanak-kanak berkenaan. Penyakit ataupun kemalangan yang pernah dialami oleh kanak-kanak juga perlu direkodkan. Begitu surat yang berkaitan seperti cuti sakit.

### **3.4.2 Pengurusan Kanak-Kanak Sakit**

Apabila kanak-kanak sakit di prasekolah, segeralah menghubungi ibu bapa atau waris/penjaga kanak-kanak. Asingkan kanak-kanak di sudut khas dengan memantau perkembangan kesihatan sehingga kanak-kanak dijemput oleh ibu bapa. Bersikap telus dengan ibubapa dan berbincang agar kanak-kanak yang sakit dapat rawatan yang tepat dan segera. Sebagai guru, anda perlu rekodkan sebarang masalah kesihatan kanak-kanak. Bertanyalah mereka yang arif untuk mendapat nasihat kesihatan sekiranya anda cemas dengan situasi yang dihadapi. Hubungi talian hospital untuk bantuan sekiranya perlu. Sekiranya kecederaan serius, guru harus membawa pelajar itu ke klinik berhampiran bagi rawatan selanjutnya.

Apabila kanak-kanak terlibat dengan kemalangan, laporan perlu disiapkan segera dengan merujuk pada masa, tempat dan mereka yang terlibat. Anda perlu melaporkan kejadian kemalangan ataupun kebakaran yang serius. Mereka yang berkhidmat di prasekolah perlu mengetahui cara-cara memberi pertolongan cemas yang asas seperti membalut luka kecil. Sekurang-kurangnya anda atau pembantu mengetahui cara-cara memberi bantuan pernafasan CPR. Pastikan guru dan pembantu menjalani pemeriksaan tahap kesihatan dari semasa ke semasa.

### **3.4.3 Pengurusan Bilik Darjah (Cahaya Dan Peredaran Udara)**

Faktor-faktor yang boleh mempengaruhi corak dan suasana interaksi di dalam bilik darjah pada lazimnya boleh diklasifikasikan kepada tiga kategori iaitu faktor fizikal, faktor kemanusiaan yang boleh di lihat dari segi faktor sosial dan emosi, dan faktor teknikal (Mak Soon Sang,2008).

Ruang di dalam premis prasekolah harus menerima pengudaraan dan pencahayaan yang mencukupi. Cahaya yang mencukupi serta pintu dan orientasi tingkap yang terbuka membolehkan pengedaran udara yang secukupnya diterima. Hasilnya terjelma suasana yang harmonis, ceria, dan semangat kepada kanak-kanak dan guru untuk berada lebih lama di prasekolah.

Pengudaraan perlu diadakan di dalam bangunan samaada secara semulajadi atau mekanikal. Peruntukan bukaan minimum untuk tujuan pencahayaan dan pengudaraan secara semulajadi telah pun tersedia sepertimana yang terkandung di dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 1984.

Pengaliran udara secara semulajadi ada kaitan dengan kesihatan dan keselesaan kanak-kanak. Bukan sahaja berlaku penyejukan ruang dalaman tetapi anda dapat mematuhi kehendak (UBBL) dan kehendak-kehendak penguasa tempatan. Pihak bertanggung jawab sepatutnya memperbaiki dan memperluaskan kefungsiannya bukaan secara kreatif dan bijaksana untuk memakmurkan dan memanjangkan hayat bangunan.

Seterusnya keseluruhan elemen-elemen landskap dapat membantu memberi keselesaan menerusi pengudaraan secara semulajadi juga perlu disepadukan.

### **3.4.4 Latihan Penggunaan Tandas**

Menjadi tanggungjawab guru melatih kanak-kanak dengan amalan ke tandas supaya lama kelamaan kanak-kanak yakin dan boleh berdikari. Pastikan kanak-kanak mengetahui kedudukan tandas di prasekolah. Latih kanak-kanak

supaya mereka tahu bila masanya mereka perlu ke tandas. Anda perlu menggalakkan kanak-kanak supaya berani menyuarakan hasratnya. Didik kanak-kanak supaya mereka tahu tentang aurat dan betulkan tabiat kanak-kanak yang suka menanggalkan seluar di luar bilik air tanpa segan silu. Kadang kala ini berlaku pada kanak-kanak berkeperluan khas.

Seterusnya, bimbing kanak-kanak menggunakan tandas dengan betul dan membersihkannya selepas digunakan. Dalam masa yang sama, anda perlu pastikan tandas tersebut berfungsi. Pada peringkat awal, guru perlu memastikan kanak-kanak dapat membersihkan dirinya dengan betul. Tegur kanak-kanak secara berhikmah apabila pakaian mereka basah kuyup atau tidak menyimbah selepas menggunakan tandas. Pastikan kanak-kanak mengamalkan tabiat membasuh tangan selepas ke tandas. Bagi yang beragama Islam, guru boleh melatih mereka mengamalkan bacaan doa sebelum masuk dan selepas keluar dari tandas. Cara menjaga kebersihan diri boleh ditekankan dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Langkah ini bagus bagi membantu kanak-kanak serta keluarganya.

#### **3.4.5 Rehat Dan Tidur**

Kanak-kanak prasekolah kebiasaannya aktif dan mempunyai lebih tenaga. Sebagai guru anda perlu cakna terhadap kebajikan kanak-kanak di bawah jagaan anda di prasekolah. Menurut Teori Hierarki Maslow, tidur dan rehat merupakan antara keperluan fisiologi dan biologi individu kanak-kanak.

Kanak-kanak harus diberi masa senggang antara setiap slot sebagai transisi bagi kesediaan dirinya untuk menerima pembelajaran yang seterusnya. Begitu juga selepas waktu makan. Terdapat kanak-kanak yang lambat berkembang dan memerlukan lebih masa berbanding rakan-rakan sebaya. Anda harus menangani perbezaan individu kanak-kanak supaya keseronokan di prasekolah dapat dikekalkan.

Wajarlah anda memberi ruang kepada kanak-kanak yang tidak dapat

menumpukan perhatian kerana mengantuk di prasekolah. Berbincanglah dengan ibu bapa kanak-kanak sekiranya tabiat tidur kanak-kanak tersebut sering tidak mencukupi dan dikesan berlanjutan.

### **3.4.6 Pendidikan Kesihatan**

Untuk pengawalan kesihatan yang baik kanak-kanak perlu menjaga kebersihan tangan, gigi, pengendalian makanan yang betul dan sedikit berhubung senaman dan kaitannya dengan kesihatan badan.

Tangan yang tidak dibasuh mempunyai banyak kuman yang boleh menyebabkan kanak-kanak akan sakit. Ini adalah disebabkan kuman berada di merata-rata tempat termasuk pada tangan yang tidak berbasuh dan kelihatan bersih. Pastikan juga kuku sentiasa dipotong pendek dan kemas.

Tabiat suka makan makanan yang digoreng yang lazimnya mengandungi kolesterol ialah salah satu faktor utama berlakunya gejala pelbagai penyakit. Pengambilan gula yang keterlaluan boleh menyebabkan penyakit kardiovaskular disamping penyakit-penyakit lain seperti tekanan darah tinggi, kegendutan dan penyakit kencing manis. Kegiatan sosial yang sentiasa melibatkan jamuan secara besar-besaran juga merupakan salah satu aktiviti yang kurang sihat.

Faktor-faktor persekitaran banyak mempengaruhi kesihatan kanak-kanak. Antaranya termasuklah

- a. **Pencahayaan** : Kita akan lebih sihat jika tinggal ditempat yang mempunyai cahaya yang cukup. Kuman mudah merebak ditempat yang kurang mendapat cahaya matahari. Walau bagaimanapun cahaya yang terlalu terang atau malap mungkin akan merosakkan mata. Oleh itu pencahayaan mestilah sesuai.
- b. **Pengudaraan** : Kita memerlukan udara yang bersih dan segar setiap hari. Satu cara untuk mendapatkan udara yang bersih ialah dengan menanam pokok. Ia juga mengurangkan kadar pencemaran udara di rumah dan

sekolah. Selain itu ia akan menjadi sumber bekalan oksigen tambahan di persekitaran kita.

- c. Tempat tinggal yang selesa: Tempat tinggal yang bersih akan mencetuskan suasana yang selesa dan harmoni. Rumah yang bersih juga boleh mewujudkan interaksi yang positif antara keluarga. Jika keadaan rumah yang sesak penyakit berjangkit mudah berjangkit terutamanya penyakit selsema, batuk, penyakit kulit dan sebagainya.
- d. Kebisingan : Bunyi yang bising akibat daripada bunyi kenderaan di jalan raya, bunyi binaan dan muzik yang keterlaluan boleh menimbulkan ketegangan dan tekanan.

Sebagai kesimpulannya persekitaran mempengaruhi kesihatan fizikal, emosi, mental dan sosial dan ini boleh menggugat tahap kesihatan yang tidak stabil dan boleh menyebabkan berbagai penyakit seperti darah tinggi mudah terjebak. Sebuah sudut khas hendaklah disediakan di setiap prasekolah untuk menempatkan kanak-kanak yang sakit sehingga mereka dijemput oleh ibu bapa mereka.

### **3.5 Merancang Keselamatan Luar Dan Dalam Prasekolah**

Aspek-aspek keselamatan merangkumi

- 1. Keselamatan emosi/ psikologi
- 2. Keselamatan fizikal

Keselamatan psikologi merujuk kepada persepsi kanak-kanak terhadap persekitaran mereka. Secara fitrah, kanak-kanak dapat merasakan persekitaran mereka selamat, selesa, menyenangkan ataupun sebaliknya. Persekitaran negatif seperti takut, risau dan ragu semasa berinteraksi boleh berpunca daripada guru, pembantu ataupun kanak-kanak lain. Anda dan mereka yang terlibat secara langsung perlu mencipta dan mengekalkan suasana kondusif agar kanak-kanak bermotivasi ke arah perkembangan yang optimum.

Keselamatan fizikal pula akan sering kali berlaku melainkan setiap orang di prasekolah sentiasa berwaspada dan boleh membuat jangkauan terhadap kemalangan seperti tergelincir, terhantuk atau keracunan. Kanak-kanak seumur

4 hingga 6 tahun sangat lincah dan terdedah pada bahaya. Menjadi tanggung jawab pengurusan prasekolah mengutamakan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak baik di dalam atau di luar bangunan.

### **3.5.1 Keselamatan Kanak-Kanak Di Pusat Prasekolah (Normal Dan Berkeperluan Khas)**

Antara langkah-langkah keselamatan yang mesti dititikberatkan adalah :

1. Pastikan kelas dan kawasan sekeliling premis selamat.
2. Elakkan kanak-kanak daripada terjatuh daripada aras tinggi yang boleh mencederakan mereka.
3. Awasi dan nasihati kanak-kanak supaya tidak menghampiri kawasan yang bertakung seperti longkang besar atau kolam.
4. Pastikan kanak-kanak tidak dibiarkan bermain seorang diri tanpa pengawasan.
5. Segera mengelap lantai supaya kering untuk mengelakkan kanak-kanak tergelincir. Simpan semua barang-barang di tempatnya dan tidak disepahkan di lantai.
6. Letakkan peralatan elektrik seperti kipas angin di tempat yang tinggi.
7. Elakkan daripada menggunakan perabot yang diperbuat daripada kaca.
8. Tutup semua soket yang berkedudukan rendah dan kemaskan wayar elektrik yang berselirat.
9. Kanak-kanak tidak dibenarkan memasuki ruang dapur untuk mengelakkan terdedah kepada bahan api, air panas dan peralatan elektrik serta alat dapur yang tajam. Pastikan pintu dapur sentiasa ditutup.

10. Tidak menyimpan racun dalam botol minuman atau menggunakan bekas racun untuk memasak atau menyimpan makanan mahu pun meletakkannya berdekatan makanan.
11. Awasi benda-benda halus dan kecil seperti kekacang, manik, peniti, duit syiling atau mana-mana bahagian kecil mainan supaya tidak memasuki mulut, telinga dan hidung kanak-kanak. Berwaspada juga memberi makanan berbiji dan bertulang.
12. Tidak membiarkan kanak-kanak bermain di sudut air bersendirian. Orang dewasa harus sentiasa ada semasa kanak-kanak bermain air bagi mengelakkan kejadian lemas.
13. Sentiasa awasi kanak-kanak semasa mereka bermain di sudut permainan luar seperti padang permainan kerana keghairahan mereka bermain boleh mengundang bahaya akibat peralatan permainan seperti buaian dan gelongsor. Oleh itu semua peralatan perlu diselenggara dengan baik dan sentiasa berada dalam keadaan sihat. Pastikan mereka memakai selipar atau pun kasut semasa bermain.
14. Awasi kanak-kanak semasa di jalan raya dan jangan biarkan kanak-kanak melintasi jalan bersendirian. Dedahkan kanak-kanak dengan pengetahuan dan keselamatan jalan raya.
15. Peti pertolongan cemas perlu lengkap dan tersedia di tempatnya di prasekolah.
16. Alat pemadam api perlu berfungsi. Anda boleh mengadakan lawatan ke pusat bomba dan penyelamat untuk menimbulkan kesedaran kanak-kanak atau menjalani latihan kebakaran di prasekolah. Pastikan juga bangunan prasekolah mempunyai sekurang-kurangnya dua pintu dan pengudaraan yang baik.
17. Sebuah sudut khas perlu disediakan di prasekolah bagi menempatkan kanak-kanak yang sakit sehingga mereka dijemput oleh ibu bapa.

### **3.5.2 Penderaan Kanak-Kanak**

Penderaan fizikal, mental dan emosi sering menjadi topik hangat pada muka depan akhbar. Perkara ini berlaku apabila ibu bapa ataupun penjaga gagal memberi kasih sayang dan penjagaan secara berterusan. Mereka sering mengancam, mengutuk atau menjerit kepada anak-anak. Keadaan ini menyebabkan kanak-kanak hilang keyakinan diri, harga diri dan menunjukkan tingkah laku cemas dan pengasingan diri sehingga kesihatan mental terganggu (Thompson & Kaplan, 1996). Ciri-ciri ini mengambil kira empat perkara yang tertentu iaitu :

1. Bentuk interaksi
2. Kerosakan psikologi
3. Kelemahan kanak-kanak
4. Tingkah laku ibu bapa atau pun penjaga yang tidak sihat

Mengikut Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947 yang dimaksudkan dengan penderaan kanak-kanak ialah mereka yang tidak dijaga hak keperluan sepenuhnya sehingga menjejaskan pertumbuhan dan kesihatan serta emosi.

Pihak pengurusan prasekolah perlu peka dengan pelbagai aspek penderaan kanak-kanak. Terdapat juga beberapa kes penderaan kanak-kanak yang pernah berlaku. Semua kelas perlu membuka pintu bilik masing-masing supaya guru-guru lain dapat melihat murid-murid dari kelas lain dengan jelas.

Penderaan boleh berupa fizikal, mental dan seksual. Bagi mengajar kanak-kanak, mengenakan hukuman rotan, tidak dibenarkan sebagai satu tindakan disiplin. Hukuman dalam bentuk penderaan mental seperti mengejek, memarahi ataupun mengaibkan kanak-kanak perlu dihindarkan. Guru yang tidak dapat menangani masalah kanak-kanak tanpa menggunakan hukuman fizikal dan emosi perlu diberhentikan serta merta.

Simptom-simptom penderaan termasuklah :

1. *Penderaan fizikal*  
Kecederaan yang bukan akibat kemalangan tetapi dilakukan secara sengaja mengakibatkan terbakar, melecur, luka atau pun



lebam, patah anggota badan, pendarahan, laserasi atau kulit terkoyak, kontusil atau terpulsa dan lelasan atau melecet.

2. *Pengabaian fizikal*

Pengabaian makanan dan kesihatan.

3. *Penderaan emosi*

Tindakan-tindakan negatif yang boleh membahayakan perkembangan kanak-kanak daripada aspek intelek, emosi, sosial dan lain-lain.

4. *Pengabaian emosi*

Kegagalan penjaga memberi keperluan membesar, sokongan dan kegagalan mereka merangsang perkembangan kanak-kanak.

5. *Penderaan seksual*

Mengambil kesempatan ke atas kanak-kanak.

Tindakan pencegahan yang boleh diambil oleh orang dewasa bila kanak-kanak melaporkan telah berlaku pencabulan hak asasi kanak-kanak adalah

- Percayakan mereka
- Bertenang
- Tegas
- Membimbing kanak-kanak untuk menghadapi situasi
- Sokongan
- Laporkan kes

### **3.5.3 Peralatan (Perabot Dan Peralatan Permainan Luar Dan Dalam)**

Aspek keselamatan di prasekolah tidak boleh dipandang remeh oleh pihak pengurusan prasekolah. Ibu bapa mengharapkan prasekolah dapat menyediakan ruang yang selamat bagi kanak-kanak sepanjang masa mereka berada di prasekolah.

Keselamatan di ruang pembelajaran boleh dijamin sekiranya penyusunan perabot mengambil kira aliran pergerakan kanak-kanak. Susun atur perabot harus kemas dan selamat dan digalakkan dilabel. Perabot harus diperbuat

daripada bahan yang tidak toksik dan mudah terbakar. Saiz kerusi, meja dan perabot sesuai dengan peringkat umur kanak-kanak. Bagi meja dan rak yang berbucu gunakan penghalang bucu atau kain berpad untuk mengelakkan kecederaan di kepala, lebam dan benjol. Elak daripada menggunakan perabot yang berkaca atau mempunyai permukaan. Alatan yang berbahaya seperti gunting digunakan di bawah kawalan guru dan disimpan di tempat yang selamat. Aktiviti kumpulan ataupun individu sentiasa dikawal selia oleh guru.

Permainan dalam juga perlu menitikberatkan keselamatan kanak-kanak. Adakan peraturan sistem penggunaan. Ciri-ciri bahan permainan harus berbucu bulat, saiz tidak terlalu kecil, tajam, memerangkap debu serta habuk dan diperbuat daripada bahan yang tidak toksik atau mudah lekang atau tanggal warna. Contoh guru boleh gunakan doh tepung bagi menggantikan plastisin.

Pastikan taman permainan berpagar, tiada objek-objek berbahaya, jauh daripada ancaman haiwan berbahaya dan alat-alat permainan dalam keadaan yang selamat dan terurus dengan baik. Perlu dibuat pemeriksaan berkala agar tiada alat permainan yang rosak dan boleh membahayakan keselamatan kanak-kanak apabila bermain di taman permainan. Permukaan longkang dan permukaan lain yang terbuka mesti ditutup. Tapak ruang permainan luar harus ditutup dengan '*rubber tiles*' untuk keselamatan murid jika terjatuh semasa bermain. Rumput mestilah dipotong pendek.

#### **3.5.4 Keselamatan Ketibaan Dan Kepulangan Kanak-Kanak**

Pihak pengurusan prasekolah boleh membantu ibu bapa dan waris meningkatkan keselamatan kanak-kanak semasa tiba dan pulang dari prasekolah. Jalan sehala dan kawasan menurunkan kanak-kanak perlu hampir dengan pintu masuk prasekolah. Anda harus menyimpan rekod nama dan talian yang boleh dihubungi supaya anda maklum tentang mereka yang dibenarkan mengambil kanak-kanak. Sangat digalakkan sekiranya anda peka dan mengenali ahli keluarga terdekat kanak-kanak. Sebaik-baiknya ibu bapa memaklumkan

pihak pengurusan sekiranya ada orang lain menjemput balik anak mereka pada hari berkenaan.

Kanak-kanak harus diberi pendidikan keselamatan diri terutama jika berhadapan dengan penjahat atau penjenayah. Untuk itu selaku guru, anda boleh memanggil pegawai polis untuk memberi ceramah mengenai keselamatan diri. Terapkan kepada kanak-kanak dengan menekankan beberapa perkara seperti tidak mengikut kehendak orang yang tidak dikenali atau jangan menaiki kenderaan orang yang tidak dikenali.

Adalah wajar bagi pihak pengurusan prasekolah menyediakan pengangkutan untuk tujuan aktiviti luar atau lawatan. Anda perlu memohon kebenaran ibu bapa terlebih dahulu serta mengambil kira insurans perjalanan dan langkah-langkah keselamatan seperti membawa peti pertolongan cemas dan yang lain-lain. Keadaan dan keselesaan pengangkutan, pemandu yang berkelayakan, kehadiran guru pengiring yang mencukupi serta pengawalan kanak-kanak adalah mustahak.

<b>TAJUK 4</b>	<b>Pengurusan Kanak-kanak di Dalam Kelas Prasekolah</b>
----------------	---

#### **4.1 SINOPSIS**


Unit ini menerangkan tentang pelbagai pendekatan pengurusan kanak-kanak di dalam prasekolah. Bab ini juga menjelaskan strategi dan teknik pengukuhan, mengambil perhatian, tidak mempedulikan, *time-out*, mengelakkan, mengalih-arrah, mengawal, perbincangan, menyelesaikan masalah, *shaping*, modifikasi tingkah laku, memberi *token*, masa dan perhatian khusus.

## **4.2 HASIL PEMBELAJARAN**

Pada akhir pengajaran bab ini pelajar dapat:

1. Mengenalpasti dan memahami penggunaan strategi-strategi mengurus kanak-kanak di dalam prasekolah.
2. Menyusun strategi untuk menguruskan kanak-kanak di dalam kelas prasekolah secara kritis, kreatif dan inovatif untuk melaksanakan sesuatu tugas.

## **4.3 KERANGKA TAJUK-TAJUK**



## Pengenalan

Guru prasekolah perlu kreatif dalam melaksana strategi dan teknik berkesan di samping memiliki kesabaran dan keupayaan merangsang kanak-kanak supaya berminat melibatkan diri dalam proses pembelajaran. Ini memerlukan anda mempunyai pengetahuan dan kemahiran pelbagai pendekatan pengurusan kanak-kanak supaya dapat menjalankan tugas anda dengan lebih berkesan.

Pengetahuan dan kemahiran dapat diperolehi melalui pengalaman mendidik dan membimbing kanak-kanak serta menghadiri kursus dan latihan yang berkaitan. Strategi pengurusan kanak-kanak yang baik membantu kelancaran prasekolah anda. Berikut adalah kupasan ringkas pelbagai pendekatan pengurusan kanak-kanak di dalam prasekolah yang anda boleh bincangkan dengan lebih lanjut.

#### **4.4 Pengukuhan**

Beri ganjaran ke atas tingkah laku baik. Puji kanak-kanak apabila harinya seronok atau dia rajin menghulurkan bantuan. Hebahkan kebaikan kanak-kanak kepada rakan-rakannya supaya yang lain akan menyedari dan faham tentang tingkah laku baik dan terpuji. Pertimbangkan untuk menggunakan carta ganjaran di prasekolah di mana kanak-kanak boleh meletakkan pelekatnya ke atas carta tersebut apabila dia berkelakuan baik bagi tempoh tertentu. Pamerkan semua nama kanak-kanak pada carta. Carta sebegini boleh memotivasikan kanak-kanak prasekolah. Beri kanak-kanak ganjaran apabila dia mendapat sejumlah bilangan pelekat tertentu.

Apabila anda melihat kanak-kanak memenuhi jangkaan guru, pujilah usahanya! Luahkan kata-kata anda kepada kanak-kanak tersebut dengan ikhlas. Pujian adalah satu ganjaran namun ia bukan hadiah yang dapat dipegang. Pujian menjadikan murid merasa bagus tentang dirinya secara intrinsik. Ia membuatkan anak didik anda ingin mengulang semula perkara yang betul dan baik yang pernah mereka lakukan. Memuji anak didik anda juga akan menyebabkan mereka berasa selamat berada di dalam bilik darjah. Ia merupakan penggalak utama untuk komuniti bilik darjah yang koperatif.

#### 4.5 Mengambil Perhatian

Perlu dingatkan bahawa apabila anda berkomunikasi dengan kanak-kanak pastikan mata anda separas dengan matanya, elak bercakap terlalu jauh atau daripada hujung bilik. Apa yang anda perkatakan akan lebih bermakna dan dapat diikutinya kerana apabila bersemuka tumpuannya lebih berfokus. Anda akan mendapat perhatiannya apabila perkataan anda tepat dan jelas. Hormatilah kanak-kanak agar anda dihormatinya.

Kanak-kanak prasekolah memberi respon kepada rutin dan kelaziman. Guru boleh menetapkan bunyi atau gerakan tertentu yang menandakan kanak-kanak harus melakukan aksi yang ditetapkan. Kemungkinan, melalui cara ini kanak-kanak menyedari bahawa mereka perlu senyap dan menumpukan perhatian kepada guru ataupun ia mungkin petanda berakhirnya sesuatu aktiviti dan kanak-kanak perlu bersedia untuk aktiviti berikutnya. Ada guru yang gemar menggunakan sistem panggil dan respon, iaitu apabila guru menyebut satu perkataan, kanak-kanak akan memberi respon bagi menandakan mereka sedang mendengar. Ada juga guru yang menggunakan instrumen tertentu seperti drum. Yang lain mungkin menekan atau menutup suis lampu atau menunjukkan dua jari ke udara. Sangat membantu untuk menetapkan kiu yang spesifik supaya kanak-kanak tahu masa untuk memberi fokus dan perhatian kepada guru dan sedia mengikut arahan seterusnya.

#### 4.6 Tidak Mempedulikan

Menurut *National Network for Child Care* semua kanak-kanak prasekolah lazimnya memberi respon penegasan positif dalam bentuk pujian dan ganjaran. Strategi yang baik bagi menangani tingkah laku kanak-kanak yang bermasalah adalah tidak mempedulikan aksinya yang tidak wajar dengan memberi ganjaran kepada aksi yang lebih sesuai. Contohnya, lebih wajar guru memuji penglibatan kanak-kanak berbanding memarahinya kerana menjerit-jerit di dalam bilik darjah. Strategi sebegini meletakkan nilai yang lebih tinggi kepada tingkah laku yang dipuji dengan itu meningkatkan keberangkalian ia berlaku di masa akan datang.

Kepentingan tingkah laku negatif, dalam kes ini, kelakuan suka menjerit-jerit, secara serentak akan berkurangan dan lama kelamaan semakin lemah.

#### **4.7 Time-Out**

Prosedur ini digunakan untuk mengurangkan tingkah laku yang tidak diingini contohnya apabila kanak-kanak telah melakukan sesuatu kesalahan. Kanak-kanak tidak dibenarkan meneruskan sesuatu aktiviti atau menerima sebarang pengukuhan untuk seketika waktu sehingga dia telah bertenang (*cool down*) atau bersedia untuk bertingkah laku baik. Pastikan kanak-kanak dapat dilihat oleh guru dalam masa *time-out* seperti duduk di kerusi di penjuru bilik darjah. *Time out* selama lima minit bagi kanak-kanak seusia 6 tahun adalah lebih efektif. Meletakkan “*timer*” di atas meja adalah cara baik kanak-kanak tahu peruntukan masa baginya. Semasa *time-out* tidak benarkan guru berkomunikasi dengan kanak-kanak tersebut malah kanak-kanak sendiri dilarang bercakap-cakap atau merungut. Penting bagi kanak-kanak memahami apakah tingkah laku yang tidak diingini seperti memukul bermaksud menyakiti rakan menggunakan tangan atau objek.

#### **4.8 Mengelakkan**

Elakkan perebutan kuasa atau pergaduhan. Sebagai guru di prasekolah, anda perlu menetapkan sempadan dan peraturan sekiranya ingin berjaya. Bertindak tegas dan tidak bertolak ansur dengan kanak-kanak yang berunding atau merayu dikecualikan dari dendaan. Bersikap konsisten adalah bahagian terpenting dalam polisi disiplin. Ia membantu membina asas kukuh bagi prinsip panduan dan peraturan. Anda juga harus bersikap berkecuali, tidak memihak kepada sesiapa semasa melaksanakan peraturan. Bermakna sekiranya sesuatu peraturan dikenakan ke atas seorang kanak-kanak, pastikan peraturan yang sama juga akan dikenakan apabila menangani kanak-kanak lain.

#### **4.9 Mengalih-Arah**



Sekiranya kanak-kanak membuat perangai di dalam bilik darjah di prasekolah, cari jalan untuk membetulkan tingkah lakunya tanpa mengganggu kanak-kanak lain. Contohnya, sekiranya kanak-kanak membaling pensil-pensil warnanya ke lantai, anda harus segera ke arahnya, ambil kesemua pensil warnanya dan jelaskan kepada kanak-kanak tersebut bahawa masa mewarna baginya telah tamat kerana dia tidak menggunakan pensil warna dengan cara yang betul. Kemudian berikan tugas baru seperti membaca, membuat latihan matematik atau bermain *puzzle*.

#### **4.10 Mengawal**

Sebagai guru tunjukkan contoh tauladan yang baik. Ini adalah amalan penting anda boleh lakukan untuk mengajar kanak-kanak kawalan sendiri. Sekiranya anda dilihat hilang kawalan, mengamuk atau melepaskan kemarahan kepada orang lain di prasekolah, maka berkemungkinan anda akan hilang kredibiliti apabila mengajar tentang kepentingan mengurus tingkah laku.

Pertimbangkan perasaan kanak-kanak apabila mereka hilang kawalan diri. Sekali sekala, tidak mengapa mengabaikan karenah mereka. Ada kanak-kanak yang mungkin baik emosinya pada waktu pagi tetapi akibat keletihan di tengahari menunjukkan karenah dan mula membuat perangai. Adalah lebih baik sekiranya anda memujuknya dengan mengajaknya berbual atau bermain berbanding memarahi atau menghukumnya dengan *time-out*.

#### **4.11 Perbincangan**

Apabila guru di prasekolah berhadapan dengan karenah anak-anak didiknya, bawalah berbincang. Anda perlu bersikap tegas namun dalam keadaan yang tenang dan terkawal semasa bercakap dengan kanak-kanak tersebut. Pastikan perbualan berlaku antara anda dan kanak-kanak tersebut sahaja. Mengkritik kanak-kanak di hadapan rakan-rakan sekelasnya akan mengeruhkan lagi keadaan. Gugurkannya daripada aktiviti kelas; terangkan dengan jelas apakah peraturan bilik darjah yang telah dia langgar dan kenapa tingkah laku

tersebut tidak wajar. Ingat, ada pelbagai sebab kenapa kanak-kanak bertingkah laku dalam cara tertentu.

Adakan perbincangan dari semasa ke semasa yang melibatkan ibu bapa dan penjaga serta warga pendidik lain bagi meminimakan permasalahan tingkah laku kanak-kanak.

#### **4.12 Menyelesaikan Masalah**

Tingkah laku kanak-kanak prasekolah yang lazim termasuklah menimbulkan karenah seperti mudah merajuk, bergaduh kerana berebut permainan, mengkasari rakan kerana tidak puas hati dan sebagainya. Beberapa tingkah laku ini merupakan sebahagian daripada proses perkembangan umpamanya pertelingkahan antara kanak-kanak seharusnya akan berkurangan seiring dengan peningkatan kemahiran sosial serta kematangan. Namun, dalam kes tertentu guru perlu memandang serius terhadap tingkah laku kanak-kanak di prasekolah.

Ajar kanak-kanak cara bertingkah laku baik. Semakin pertambahan usia, kanak-kanak prasekolah berupaya membezakan antara betul dan salah dan boleh mematuhi peraturan. Anda boleh menetapkan satu set model tingkah laku dan jika perlu laksanakan satu set peraturan yang mudah diikuti oleh anak didik di prasekolah.

Perlu ada intervensi atau campur tangan guru sebelum sesuatu masalah menjadi semakin serius. Sekiranya anda melihat kanak-kanak bergaduh sesama rakannya, bertindak segera untuk meleraikan keadaan. Alih arah atau perhatian kanak-kanak tadi kepada tugas baru atau jelaskan kenapa kelakuan mereka tidak disukai oleh guru dan rakan-rakan lain.

Wujudkan suasana bilik darjah yang positif dan menggalakkan. Bilik darjah yang terurus dengan jadual yang tersusun akan menggalakkan tingkah laku baik dan positif kanak-kanak. Aktiviti-aktiviti yang bertenaga tinggi dan tenang harus digilirkan manakala abaikan masa menunggu bagi menghindarkan kebosanan.

Selidiki mana-mana isu yang timbul secara mendalam. Masalah tingkah laku kanak-kanak yang berterusan mungkin merupakan simptom masalah di rumah. Mungkin juga kehadiran bayi baru di rumah ataupun perselisihan antara ibu dan bapa kanak-kanak tersebut. Hubungilah ibu bapanya untuk mendapatkan gambaran sebenar dan bersama-sama mencari jalan penyelesaian untuk kebaikan kanak-kanak tersebut.

#### **4.13 Shaping**

Merupakan salah satu kaedah modifikasi tingkah laku yang sangat berguna. *Shaping* adalah pembentukan strategi atau tabiat baik dan positif yang menghasilkan perubahan tingkah laku secara automatik dan memberhentikan tingkah laku negatif atau tidak diingini. Ahli psikologi, B.F. Skinner merupakan yang terawal mempelopori konsep "*shaping*". Skinner menjalankan eksperimen melatih tikus menekan tuas. Dalam proses menyempurnakan tugas tersebut, apa sahaja pergerakan tikus ke arah tuas, diberi ganjaran. Sebaliknya sekiranya pergerakan lain dilakukan tiada ganjaran diberikan. Akhirnya, akibat daripada *shaping* itu tikus dapat membuat pergerakan yang tepat melalui penerimaan ganjaran, berjaya dilatih untuk menekan tuas.

Teknik ini perlu digunakan dalam kalangan kanak-kanak di prasekolah yang tidak melakukan secara sendiri tingkah laku yang diingini. Guru perlu memberi beberapa peneguhan secara beransur-ansur hampir kepada tindakbalas yang diharapkan dalam proses membentuk tingkah laku kanak-kanak yang diingini.

#### **4.14 Modifikasi Tingkah Laku**

Istilah ini berdasarkan kepada prinsip bahawa memberi ganjaran yang setimpal dengan tingkah laku adalah lebih efektif berbanding menghukum tingkah laku yang tidak diingini. Fasa awal kanak-kanak belum berkembang sepenuhnya, secara kognitif mereka kurang memahami konsep sebab akibat dan mempunyai penumpuan yang singkat. Oleh yang demikian, lebih baik memberi ganjaran sebaik sahaja mereka menunjukkan tingkah laku baik. Ini

membuatkan mereka bermotivasi secara intrinsik dalam mengukuhkan lagi tingkah laku yang dingini.

Guru boleh berhujah dengan kanak-kanak prasekolah tentang tingkah laku dan sebab akibat atau kesan daripadanya, namun kanak-kanak lebih mempelajari apakah yang menyebabkan ibubapa dan gurunya suka tentang dirinya sekiranya orang dewasa mengamalkan teknik ini.

Anda boleh mengamalkan teknik ini di bilik darjah prasekolah hanya dengan memperhatikan satu tingkah laku yang hampir dengan apa yang anda ingin lihat dan memberi ganjaran kepada kanak-kanak tersebut kerana dia “duduk dengan tertib di kerusinya”. Jangan tunggu untuk memarahi kanak-kanak sehingga kanak-kanak tersebut mula bergerak-gerak kerana bosan atau tidak selesa. Sebaliknya perhatikan tingkah laku baik yang hampir anda inginkan dan berikan pujian. Kebanyakan kanak-kanak mahu disukai dan merasa seronok apabila ibu bapa dan guru menyedari tingkah laku baik mereka.

#### **4.15 Memberi *Token***

Sistem ganjaran memberi *token* ialah satu bentuk peneguhan positif yang mudah di laksanakan di prasekolah untuk meningkatkan tingkah laku positif kanak-kanak. Mereka boleh meraih *token* kerana berkelakuan baik dengan menikmati ganjaran seperti bintang, pekat, gambar, setem dan lain-lain. *Token-token* ini boleh ditukar oleh kanak-kanak untuk sesuatu hadiah atau pun sesuatu aktiviti yang digemarinya. Senaraikan ganjaran-ganjaran yang boleh mereka “tebus” dengan (poin merit) *token* yang diperolehi contohnya mendapat masa tambahan untuk menggunakan komputer atau apa sahaja yang memotivasikan kanak-kanak. Secara tidak langsung anda mengukuhkan lagi tingkah laku positif kanak-kanak apabila anda memberitahunya kenapa dia layak mendapat *token* tersebut.

#### **4.16 Masa Dan Perhatian Khusus**

Luangkan masa yang berkualiti bersama kanak-kanak di prasekolah. Kadang kala mereka membuat perangai kerana inginkan perhatian daripada guru. Anda perlu berikan sepenuh perhatian kepada anak didik walaupun mereka tidak menimbulkan masalah. Aktiviti-aktiviti mudah seperti membaca buku cerita, bersiar-siar di luar atau berbual tentang kehidupan harian adalah cara-cara terbaik meluangkan masa dan memberi perhatian khusus kepada kanak-kanak tertentu. Lakukan dengan penuh kasih sayang dan komitmen yang berterusan.

Ringkasnya, sama ada murid anda berusia tiga mahupun enam tahun atau, baik bilangannya sepuluh mahupun dua puluh lima orang, strategi-strategi yang diamalkan di atas boleh menjamin keseronokan dan kejayaan persekolahan. Apabila anda gembira, murid anda juga berasa seronok, maka pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah lebih bermakna dan berkesan. Bukankah itu yang anda inginkan?